

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 OKTOBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

Potong keluaran minyak keputusan sebulat suara



MUSTAPA

Potong keluaran minyak keputusan sebulat suara

PETALING JAYA – Keputusan Pertubuhan Negara Pengeluar Petroleum dan sekutunya (OPEC+) untuk melaksanakan pemotongan pengeluaran minyak sebanyak dua juta tong sehari berkuat kuasa November ini merupakan keputusan yang diambil secara sebulat suara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, keputusan secara kolektif itu mengambil kira faktor yang merangkumi asas pasaran, terutamanya bagi menangani ketidakpastian dalam situasi bekalan dan permintaan minyak global.

"Sebagai ahli OPEC+, Malaysia mengambil bahagian dalam Mesyuarat Menteri OPEC dan Bukan OPEC ke-33 pada 5 Oktober lalu.

"Malaysia menyokong pendekatan proaktif dan inisiatif OPEC+, termasuk Dokumen Kerjasama (DoC) yang ditandatangani pada 10 Disember 2016, yang menyatukan ne-

gara pengeluar minyak supaya mematuhi mekanisme teguh dalam menangani cabaran pasaran.

"Memandangkan prospek ketidaktentuan yang berpanjangan, Malaysia akan meneruskan kerjasama rapat dengan OPEC+ untuk memastikan kestabilan pasaran minyak global," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Negara-negara anggota OPEC+ pada Ahad lalu menyatakan sokongan terhadap keputusan memotong sasaran pengeluaran minyak yang dipersetujui bulan ini selepas Rumah Putih menuduh Riyadh memaksa beberapa negara lain untuk menyokong langkah berkenaan.

Amerika Syarikat minggu lalu berkata, pemotongan itu akan meningkatkan pendapatan asing Rusia, selain mencadangkan ia dilakukan atas faktor politik oleh Arab Saudi, ketika bekalan di pasaran minyak dilihat agak ketat.